

21 NOV 1996

Pembetulan-IWK

IWK KAJI KEMUNGKINAN KELUARKAN BIL CAJ PEMBETUNGAN ENAM BULAN SEKALI

KUALA LUMPUR, 21 Nov (Bernama) -- Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) akan mengkaji kemungkinan mengeluarkan bil caj pembetulan enam bulan sekali bagi kemudahan pelanggan yang membayar bil RM2 sebulan, kata Pengerusi Eksekutifnya Datuk Wan Adli Wan Ibrahim, hari ini.

"Walaupun IWK berhak mengeluarkan bil setiap bulan, kita akan mengkaji sama ada perkara itu boleh dilaksanakan," katanya kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Ting Chew Peh di kementerian, di sini.

Selepas pertemuan itu, Ting mengumumkan caj baru pembetulan IWK berkuatkuasa 1 Jan depan, yang mempunyai empat pakej pembayaran meliputi pelanggan domestik, pelanggan industri, pelanggan komersil dan premis kerajaan.

Wan Adli berkata bil caj pembetulan, yang kini diasingkan daripada bil air, boleh dibayar di mana-mana pejabat pos.

Ketika ditanya mengenai caj baru itu yang dimaklumkan kepadanya semasa pertemuan dengan Ting, beliau berkata IWK akur dengan keputusan kerajaan dan akan berusaha memperbaiki perkhidmatan mereka.

Wan Adli berkata berkata pengumuman lanjut mengenai jumlah pelanggan IWK yang dikenakan caj pembetulan akan diumumkan Selasa ini.

Ketika ditanya sama ada caj baru itu merupakan kadar yang dicadangkan oleh IWK, beliau berkata: "Ia cadangan semua pihak."

Beliau berpendapat caj yang dikenakan adalah adil terutama kepada pelanggan domestik yang sebelum ini dikenakan caj pembetulan mengikut jumlah penggunaan air.

Ketika ditanya mengenai keputusan kerajaan menambah pinjaman RM450 juta kepada IWK bagi meringankan beban syarikat itu kerana tidak menaikkan caj dan mengutip hutang lama, beliau berkata: "Pinjaman itu adalah bagi meningkatkan taraf perkhidmatan pembetulan. Mengenai hutang, itu perkara lepas, yang penting sekarang kita jalankan perkhidmatan dengan berkesan."

Sementara itu di Melaka, Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani berkata keputusan kabinet memperkenalkan caj baru IWK dan memansuhkan hutang pengguna menunjukkan keprihatinan kerajaan.

Beliau berkata Perbadanan Air Melaka (PAM) mengutip sebanyak RM900,000 caj pembetulan IWK yang dimasukkan dalam bir pengguna sejak konsortium itu beroperasi.

Semalam, PAM menyerahkan kesemua bayaran itu kepada IWK cawangan Melaka, kata Mohd Zin sambil menambah bahawa kerajaan negeri akan mengadakan perbincangan dengan IWK bagi memastikan sama ada wang itu akan dipulangkan semula kepada pengguna atau sebaliknya.

Beliau berkata demikian apabila mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam, mengenai caj baru IWK yang lebih rendah dan seragam mengikut kedudukan sesuatu tempat.

-- BERNAMA

NZ MYD NAK